



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/07**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGENALAN KEPADA
TEKNOLOGI MAKLUMAT

KOD MATA PELAJARAN : DIT 1053

KURSUS : 1 DIT

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

Arahan: Nyatakan pernyataan berikut sama ada **BENAR** atau **SALAH**.

- S1 Data yang diwakili oleh 1 dan 0 juga dikenali sebagai bahasa penghimpun.
- S2 Satu kebaikan menggunakan cakera liut adalah ia boleh bertahan lama walaupun diletakkan dalam persekitaran bersuhu tinggi.
- S3 Litar bersepadu adalah sekumpulan litar-litar elektronik yang telah dikecilkan dan disatukan dalam satu litar.
- S4 *Local Area Network* (LAN) adalah rangkaian komputer yang berkongsi sumber-sumber dalam lokasi geografi terhad.
- S5 Protokol TCP/IP membenarkan komputer-komputer yang menggunakan sistem pengoperasian yang berbeza berkomunikasi antara satu sama lain.
- S6 Penghantaran dupleks penuh (*full-duplex*) membenarkan pemindahan data dalam dua arah serentak.
- S7 Penghantaran digital menghantar data dalam bentuk gelombang berterusan.
- S8 *Broadcast radio* menggunakan menara khas penghantar dan penerima yang dipanggil *transceiver*.
- S9 Pangkalan data ialah satu himpunan konsep, kekangan dan peraturan integriti bagi menerangkan tentang perhubungan dan kekangan data dalam sesebuah organisasi.
- S10 Hakcipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh negara kepada penyumbang atau pencipta atas hasil inovasinya di bidang teknologi, untuk selama waktu tertentu.

BAHAGIAN B

Arahan: Pilih **SATU (1)** jawapan yang paling tepat.

S11 Daftar berfungsi sebagai

- A. menentukan setiap operasi berlaku mengikut skrip yang telah ditentukan dan diselaraskan pelaksanaan langkah demi langkah
- B. melaksanakan kerja-kerja kitar pelaksanaan yang melibatkan operasi pengiraan arithmetik dan logik
- C. alat storan sementara yang pantas untuk menyimpan data-data atau arahan yang dibawa masuk dari memori atau alat input
- D. sistem pengangkutan yang dapat mengangkut data dan arahan di dalam unit pemprosesan pusat

S12 _____ telah digunakan dengan meluas dalam kebanyakan peralatan elektronik dan mikrokomputer.

- A. Mikropemproses
- B. Komputer
- C. Aturcara komputer
- D. Cip ingatan

S13 Manakah di antara berikut yang **BUKAN** storan sekunder

- A. Storan kembangan
- B. Media Magnetik
- C. Dinamik RAM
- D. Kad memori

S14 Pengurusan proses _____ bermaksud terdapat banyak pengguna berkongsi CPU yang sama tetapi masing-masing menggunakan terminal input atau output yang berbeza.

- A. *Mutitasking*
- B. *Multithreading*
- C. *Multiprocessing*
- D. *Timesharing*

S15 Salah satu komponen dalam Unit Pemrosesan Pusat ialah Unit Kawalan yang berperanan untuk _____

- A. menyimpan arahan yang siap diproses.
- B. melaksanakan operasi arithmetik dan logik.
- C. menyimpan dan melaksanakan arahan yang sedang diproses.
- D. mengawal dan menyelaras semua arahan yang akan dilaksanakan.

S16 Berikut merupakan contoh aplikasi program utiliti KECUALI

- A. *Backup*
- B. *Honeywell*
- C. *Disk Clean Up*
- D. *Disk Defragmenter*

S17 _____ membenarkan pengguna untuk menyelenggara dan menguruskan komputer, peralatan dan program.

- A. Perisian aplikasi
- B. Sistem pengoperasian
- C. Program Utiliti
- D. Unit pemrosesan pusat

S18

Sistem pengoperasian ini popular digunakan untuk komputer peribadi sebelum windows diperkenalkan. Microsoft telah membantu IBM dengan menyediakan sistem pengoperasian bagi komputer IBM.

Berdasarkan pernyataan di atas, sistem pengoperasian manakah yang dimaksudkan?

- A. Windows
- B. MSDOS
- C. UNIX
- D. Linux

- S19** Siapakah juruanalisa sistem?
- A. Seorang yang bertanggungjawab untuk mereka bentuk dan membangunkan rangkaian bagi kegunaan sistem maklumat yang akan dibangunkan.
 - B. Seorang yang menggunakan teknik analisis dan reka bentuk untuk menyelesaikan masalah menggunakan teknologi maklumat.
 - C. Seorang yang membina komponen sistem maklumat berdasarkan spesifikasi reka bentuk dari pereka bentuk sistem.
 - D. Seorang yang bertanggungjawab untuk mereka bentuk pangkalan data bagi kegunaan sistem maklumat yang akan dibangunkan.
- S20** Fail yang mengandungi data yang berstruktur dan tersusun rapi dikenali sebagai
- A. Dokumen
 - B. Pangkalan data
 - C. Lembaran kerja
 - D. Grafik
- S21** Berikut merupakan kelemahan sistem pengurusan fail **KECUALI**
- A. Rekabentuk yang kompleks dan rumit
 - B. Kurang keutuhan data
 - C. Kebersandaran data
 - D. Data berulang
- S22** _____ bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber data termasuklah perancangan pangkalan data, pembangunan piawai, prosedur dan polisi serta mereka bentuk pandangan konseptual dan logikal pangkalan data.
- A. Pentadbir Data
 - B. Pentadbir Pangkalan Data
 - C. Pereka bentuk Pangkalan Data
 - D. Penganalisa Sistem dan Pengaturcara
- S23** Sistem manakah yang digunakan oleh pengurus peringkat atasan?
- A. Sistem Sokongan Eksekutif
 - B. Sistem Sokongan Keputusan
 - C. Sistem Pengurusan Maklumat
 - D. Sistem Pemprosesan Transaksi



- S24** Antara berikut, yang manakah merupakan maklumat dalaman bagi pengurus atasan?
- A. Perubahan dalam peraturan, polisi kerajaan dan aktiviti luaran bagi sesebuah organisasi itu.
 - B. Maklumat yang ringkas tetapi lengkap dan tepat mengenai perjalanan operasi yang telah dan sedang dilaksanakan disamping operasi yang akan dilakukan oleh organisasinya.
 - C. Maklumat terperinci mengenai belanjawan, penjadualan dan penilaian prestasi operasi dan staf.
 - D. Maklumat yang lebih lengkap dan berkala serta perbandingan hasilan semasa dengan hasilan terdahulu.

- S25** *Walkie talkie* adalah satu contoh aplikasi mod penghantaran isyarat _____.
- A. *Half duplex*
 - B. *Simplex*
 - C. *Full duplex*
 - D. *Start / stop*

- S26** Manakah antara berikut yang paling tepat bagi menggambarkan ciri-ciri infra merah.
- A. Isyarat hanya boleh dihantar dalam keadaan garisan lurus iaitu tiada elemen yang menghalang antara penghantar dan penerima.
 - B. Menggunakan pemancar untuk menerima data daripada pengguna dan menghantarnya kepada pengguna yang lain.
 - C. Menggunakan teknik pengorbitan kira-kira 22,000 batu daripada bumi.
 - D. Komunikasi menggunakan isyarat elektromagnetik untuk jarak dekat.

- S27** Rangkaian ini digunakan apabila sesuatu rangkaian itu meliputi satu kawasan bandar kira-kira 50 km persegi. Rangkaian ini menggunakan kabel jenis gentian optik.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis rangkaian yang dimaksudkan?

- A. Rangkaian Kawasan Setempat (*Local Area Network –LAN*)
- B. Rangkaian Kawasan Metropolitan (*Metropolitant Area Network –MAN*)
- C. Rangkaian Kawasan Luas (*Wide Area Network –WAN*)
- D. Pelayan – Pelanggan (*Client - server*)

S28 Berikut merupakan peralatan yang menyokong penghantaran dan penerimaan data merentasi sistem komunikasi KECUALI

- A. *Modem*
- B. *Multiplexer*
- C. *Front-End Processor*
- D. *Client-Server*

S29 _____ menguatkuasakan kawalan akses antara dua rangkaian tetapi ia tidak melindungi dari serangan virus.

- A. Kawalan akses
- B. Enkripsi
- C. Penguji kabel
- D. *Firewall*

S30

Perniagaan dan organisasi perlu memberitahu pengguna maklumat apa yang sedang dikumpul dan bagaimana akan digunakan.
--

Pernyataan di atas merujuk kepada


- A. *Informed Consent*
- B. *Opt In*
- C. *Opt Out*
- D. *'Big Brother'*

BAHAGIAN C

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

- S31** Kitar proses maklumat adalah satu siri aktiviti input, proses, output, dan penyimpanan. Dengan menggunakan gambarajah, terangkan bagaimanakah aktiviti-aktiviti ini berlaku.
(8 markah)
- S32** Bahasa pengaturcaraan merupakan elemen yang menghubungkan perkakasan dan perisian.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan generasi (*generation*) dalam isu bahasa pengaturcaraan?
(1 markah)
- (b) Apakah perbezaan di antara bahasa peringkat rendah dan bahasa peringkat tinggi?
(2 markah)
- S33** Semua pengurus pada mana-mana peringkat pengurusan adalah individu yang akan membuat keputusan kepada organisasi. Untuk mencapai matlamat ini seorang pengurus mempunyai lima fungsi. Jelaskan **TIGA (3)** sahaja fungsi tersebut.
(6 markah)
- S34** Sistem Pengurusan Pangkalan Data mempunyai banyak kelebihan. Jelaskan **DUA (2)** kelebihan sistem ini.
(4 markah)

S35 Terangkan apakah yang anda faham berdasarkan **Rajah S35** di bawah ini.



Rajah S35

(6 markah)

S36 Keberkesanan sesuatu rangkaian bergantung kepada kesesuaian senibina rangkaian di sesebuah syarikat.

(a) Bincangkan secara ringkas tentang **EMPAT (4)** jenis topologi yang ada di dalam rangkaian komputer.

(8 markah)

(b) Nyatakan **SATU (1)** kebaikan dan **SATU (1)** kelemahan bagi setiap topologi yang telah dinyatakan di S36(a).

(8 markah)

S37 (a) Nyatakan **EMPAT (4)** kesan teknologi maklumat terhadap kehidupan seharian masyarakat dan sosial.

(4 markah)

(b) Berikan **TIGA (3)** contoh program yang boleh mengganggu kerahsiaan seseorang pengguna.

(3 markah)